

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING
(PENAMPANG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 24.11.2015

Y.B. TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING [PENAMPANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan hasil kutipan sehingga hari ini semenjak pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) pada 1 April 2015 dan daripada kutipan tersebut berapa banyakkah hasil kutipan yang diterima daripada negeri Sabah.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan menjangkakan hasil GST pada tahun 2015 sebanyak 27 bilion ringgit. Memandangkan GST adalah

cukai di peringkat Kerajaan Persekutuan yang dikenakan di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan, maka kutipan secara keseluruhannya tanpa mengambil kira lokasi sama ada di negeri atau daerah. Dalam konteks ini, kutipan cukai GST di mana-mana negeri atau lokasi sesuatu perniagaan dijalankan tidak semestinya menggambarkan bahawa hasil tersebut berkaitan dengan aktiviti ekonomi di tempat berkenaan semata-mata. Di samping itu, GST import juga lebih tertumpu kepada negeri-negeri yang mempunyai pelabuhan utama. Walau bagaimanapun, berdasarkan pentadbiran aktiviti kutipan GST yang mengikut lokasi pengimportan serta pembekalan barangan dan perkhidmatan yang dibuat, kutipan mengikut lokasi dapat direkodkan di peringkat negeri-negeri. Dalam hubungan ini, kutipan cukai GST negeri Sabah bagi tempoh April sehingga Oktober 2015 menunjukkan jumlah kutipan sebanyak 2.2% daripada keseluruhan kutipan hasil GST.